

**TATACARA GUGUR/TAMBAH KURSUS  
SEMESTER KEDUA SESI 2023/2024 (A232)**

**Tarikh: 31 Mac 2024 – 4 April 2024**  
**Kaedah: Secara Dalam Talian (Portal Pelajar)**  
<https://register.uum.edu.my>

1. Kursus-kursus pada Semester Kedua Sesi 2023/2024 (A232) akan dijalankan secara dalam talian dan bersemuka.
2. Minggu Gugur/Tambah Kursus Semester Kedua Sesi 2023/2024 (A232) akan dilaksanakan secara dalam talian melalui : <https://register.uum.edu.my> .
3. **Gugur/Tambah Kursus secara dalam talian mulai (31 Mac 2024 – 4 April 2024):**

Semua pelajar aktif adalah layak untuk membuat Gugur/Tambah Kursus secara dalam talian seperti jadual berikut:-

SEMESTER SEMASA (A232)	TEMPOH GUGUR/TAMBAH			
	TARIKH MULA	MASA MULA	TARIKH TAMAT	MASA TAMAT
7 dan ke atas	31 Mac 2024	12.00 tengah hari	1 April 2024	10.00 pagi
5 dan 6	1 April 2024	12.00 tengah hari	2 April 2024	10.00 pagi
3 dan 4	2 April 2024	12.00 tengah hari	3 April 2024	10.00 pagi
2	3 April 2024	12.00 tengah hari	4 April 2024	10.00 pagi

Semua komponen struktur program akan dibuka pada minggu gugur/tambah kursus secara dalam talian.

4. Pelajar yang **gagal mendaftar** kursus mengikut struktur pengajian yang telah ditetapkan, diminta menghubungi Pusat Pengajian masing-masing. **Pelajar-pelajar berikut juga perlu** menghubungi Pusat Pengajian masing-masing:
  - i) Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat/Mengulang/Gagal tetapi dipanggil semula;
  - ii) Pelajar yang menangguhkan pengajian (bagi semester sebelumnya).
5. Pelajar yang mempunyai **TUNGGAKAN HUTANG** sehingga semester **A231 TIDAK DIBENARKAN** membuat gugur/tambah kursus. Gugur/tambah kursus hanya dibenarkan sekiranya tunggakan hutang berkenaan dijelaskan sepenuhnya dan pembayaran **TUNGGAKAN HUTANG** perlulah dijelaskan dalam tempoh minggu pertama semester A232 sahaja.

6. Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Pengajian untuk Program Sarjana Muda Perkara 8.2 dan 8.3 dalam Buku Panduan Akademik yang menetapkan:

**Perkara 8.2:**

**“Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika beliau tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti”**

**Perkara 8.3:**

**“Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.”**

7. **PELAJAR ANTARABANGSA** perlu menyelesaikan yuran bagi semester **A232** dalam tempoh **ENAM PULUH (60) hari** dari tarikh semester bermula. Sekiranya gagal berbuat demikian, status pelajar akan diubah kepada **'TANGGUH PENGAJIAN'** secara automatik. Caj Yuran Pengajian akan dibatalkan manakala Caj Yuran Perkhidmatan masih dikekalkan.
8. Sepanjang Minggu Gugur/Tambah Kursus, Jadual Waktu Kuliah boleh dicapai di dalam portal masing-masing.
9. Permohonan untuk mengambil kursus melebihi 22 jam kredit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dipohon dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Portal Pelajar** mulai **31 Mac 2024 (Ahad) – 4 April 2024 (Khamis)**. Sebarang penambahan kursus melebihi 22 jam kredit adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- i) Pelajar semester akhir **SAHAJA**;
  - ii) PMK terakhir adalah 2.50 dan ke atas;
  - iii) Lebihan jam kredit hanya 3 kredit sahaja (menjadikan jumlah kredit 25 jam/semester);
  - iv) Tertakluk kepada kekosongan tempat;
  - v) Bayaran dikenakan sebanyak RM40.00 untuk 1 jam kredit (bayaran dijelaskan selepas permohonan diluluskan).
12. Permohonan Kursus Audit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dibuat dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Portal U-Assist** mulai **31 Mac 2024 (Ahad) – 4 April 2024 (Khamis)**. Tiada bayaran dikenakan.

**Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Akademik  
Universiti Utara Malaysia**